

Wabak Chikungunya di Kedah terkawal

14 kes lagi dikesan di empat daerah kelmarin

Oleh Johari Ibrahim
joib@bharian.com.my

ALOR STAR: Sebanyak 14 kes baru Chikungunya dilaporkan di empat daerah di Kedah sehingga kelmarin tetapi pihak berkuasa memberi jaminan keadaan adalah terkawal.

Timbalan Pengarah Kesihatan negeri, Dr Shahidan Hashim, berkata dengan jumlah kes baru itu, jabatan merekodkan 97 kes sehingga tengah hari kelmarin, berbanding 83 Ahad lalu.

Beliau berkata, enam kes baru dikesan di lima kampung di Pendang, lima di empat kampung di Kuala Muda, dua kes di Baling membabitkan dua kampung dan satu kes di Kota Star.

“Enam kes baru dikesan di lima kampung di Pendang, lima di empat kampung di Kuala Muda, dua kes di Baling membabitkan dua kampung dan satu kes di Kota Star”

Dr Shahidan Hashim
Timbalan Pengarah
Kesihatan negeri

Katanya, sebanyak 39 orang masih dirawat di enam hospital dan semuanya dilaporkan stabil.

Sementara itu, beliau turut melahirkan rasa kesal berikutan tindakan segelintir penduduk di negeri ini yang membuang kain rentang mengenai langkah pencegahan demam Chikungunya dipasang jabatan itu.

"Ada kes penduduk membuang kain rentang itu kerana kononnya mereka malu apabila orang mengetahui kampung mereka dijangkiti demam itu.

"Tindakan kurang bijak kerana kain rentang itu bertujuan menyampaikan mesej dan kempen supaya penduduk berhati-hati dan mengambil langkah kebersihan persekitaran mereka," katanya.